

**KITAB *HIDAYAH AL-MUTA'ALLIM WA 'UMDAH*
AL-MU'ALLIM KARANGAN SHEIKH DAUD
AL-FATANI: KAJIAN TEKS DAN ANALISIS**

AHMAD SHARIFUDDIN BIN MUSTAPHA

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

BAB PENDAHULUAN

LATAR BELAKANG KAJIAN

Selepas wafatnya Rasulullah S.A.W. tugas menyampaikan ajaran Islam diteruskan oleh para sahabat baginda. Seterusnya ia berpindah pula kepada para *tabi'in*¹ dan kemudiannya *tabi' al-tabi'in*.² Mereka adalah ulama-ulama yang dipertanggungjawabkan oleh Rasulullah S.A.W. untuk menyampaikan ajaran Islam kepada umat manusia. Setelah berabad-abad masa berlalu, agama Islam telah tersebar luas di muka bumi dan lahir pula ulama-ulama di tempat ia disebarkan. Alam Melayu turut melahirkan ulama-ulama yang alim lagi faqih dalam bidang agama termasuk fiqh, tauhid, akhlak, tasawuf dan sebagainya. Merekalah yang mengembangkan ilmu-ilmu tersebut kepada penduduk setempat. Disamping itu mereka juga melahirkan penulisan-penulisan yang bermutu sebagai warisan yang berharga kepada umat Islam.

Sheikh Daud al-Fatani merupakan antara pengarang yang terkenal dan prolific yang menghasilkan karya dalam mazhab Shafi'i di Nusantara. Ketokohan beliau dalam bidang penulisan diakui oleh ulama-ulama di Alam Melayu. Menurut Voorhoeve,³ Sheikh Daud al-Fatani adalah ulama Patani yang paling masyhur dan produktif di rantau ini kerana banyaknya karya-karya yang dihasilkan. Diantara karyanya yang terkenal adalah *Bughyah al-Tullab*, *al-Sayd Wa al-Dhaba'ih*, *al-Bahjah al-Saniyyah*, *Munyah al-Musalli*, *Furu' al-Masa'il* dan *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim*. Kitab-kitab tersebut disalin dan diterbitkan dari masa ke semasa hinggalah ke hari ini.

¹ *Jama'* bagi *tabi'*, mereka adalah orang yang bertemu dan berguru dengan para sahabat tetapi tidak bertemu dengan Rasulullah S.A.W dan mati dalam Islam. Lihat Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah (1994), *al-Mu'jam al-Wajiz*. Mesir: Wizarah al-Tarbiyyah Wa al-Ta'lim, h. 72.

² Golongan selepas *tabi'in*.

³ P. Voorhoeve (1965), art, "Dawud", *Encyclopedia Of Islam*, vol.II, Leiden: E.J. Brill.

Kitab *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim* selesai dikarang pada hari Jumaat 12 Jumadi al-Thani 1244H/1828M dan merupakan kitab Melayu dan kitab Jawi yang paling lengkap perbincangannya tentang ilmu fiqh, iaitu lengkap seluruh judul *kitab, rubu', bab, dan fasl* merangkumi dari bab fiqh yang pertama hingga bab yang terakhir.⁴ Ia membincangkan tentang akidah, fiqh dan tasawuf. Bagaimanapun kandungan utama kitab ini adalah fiqh.⁵ Kitab yang berwibawa ini mempunyai pengaruh yang besar serta digunakan dengan meluas terutama di Patani sehingga abad ke 19. Kitab ini juga telah mendapat sambutan yang menggalakkan di Gugusan Kepulauan Melayu.⁶

Meskipun banyak terdapat kitab-kitab lain yang masyhur seperti *Sirat al-Mustaqim, Sabil al-Muhtadin, Bughyah al-Tullab, Furu' al-Masa'il dan al-Bahr al-Wafi Wa al-Nahr al-Safi*, tetapi kitab-kitab tersebut tidak merangkumi semua bab dalam ilmu fiqh. Sebagai contoh, meskipun kitab *Furu' al-Masa'il* adalah sebuah kitab yang sangat besar, ia hanya membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan cabang-cabang dan ranting-ranting ilmu fiqh⁷ dan tidak merangkumi semua bab dalam ilmu fiqh.

PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Naskhah-naskhah kitab *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim* mempunyai perbezaan antara satu sama lain yang melibatkan pemilihan perkataan, penambahan atau pengurangan perkataan, perkataan lelaki dan perempuan, penambahan dan pengurangan imbuhan, permulaan ayat, struktur perkataan, struktur ayat serta *mufrad* dan *jama'*.

⁴ Wan Mohd Saghir Abdullah (1991), "Mengkaji Kandungan Kitab Hidayah al-Muta'allim Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani", *Jurnal Dewan Bahasa*, April 1991, h.339.

⁵ Wan Mohd Saghir Abdullah (2003), "Majlis Tazkirah Tokoh Islam Syeikh Daud al-Fatani Kali ke 2" (Kertas Kerja Seminar di Sekolah Menengah Sains Muar, 28 April 2003), h. 17.

⁶ Abdul Kadir bin Haji Muhammad (1996), *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.22.

⁷ Wan Mohd Saghir Abdullah (1991), "Mengkaji Gaya Bahasa Dalam Kitab Furu' al-Masail Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani", *Jurnal Dewan Bahasa*, j. 35, Januari 1991, h.58.

Sebagai sebuah karya lama, ia tidak tersusun dengan baik, ayat-ayatnya tidak berperenggan, tidak dipisahkan diantara ayat pernyataan dan ayat permulaan.⁸ Gaya bahasanya sukar difahami dan mengandungi istilah-istilah dan perkataan-perkataan klasik yang sudah tidak dipakai lagi dalam konteks semasa.⁹ Dari segi isi, rujukan tidak dinyatakan.¹⁰ Ini menyukarkan pembaca kontemporari untuk memahami isi kandungan kitab ini.

Perkataan-perkataan yang terdapat dalam kitab *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim* ini tidak bertanda (seperti noktah dan koma) kerana ditulis menurut kaedah zamannya. Meskipun kitab ini telah melalui proses percetakan, formatnya adalah dalam bentuk klasik iaitu sama dengan versi manuskrip yang sukar dibaca dan difahami oleh pembaca kontemporari. Ini menyebabkan warisan intelektual ulama Nusantara akan terus dilupakan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

- 1 Menjelaskan biografi Sheikh Daud al-Fatani.
- 2 Menjelaskan sejarah penulisan kitab *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim*.
- 3 Mengenalpasti metode penulisan Sheikh Daud al-Fatani dalam *rubu' munakahat* kitab *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim*.

⁸ Mat Saad bin Abdul Rahman (1997), "*Tahqiq Manuskrip Arab Melayu*", dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 274.

⁹ Abd al-Salam Muhammad Harun (1410H), *Tahqiq al-Nusus Wa Nashruha*, Kaherah: Maktabah al-Sunnah, h. 42.

¹⁰ Mat Saad bin Abdul Rahman (1997), *op.cit*, h.274.

- 4 Menganalisis isu-isu *munakahat* dalam kitab *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim*.
- 5 Melakukan kajian filologi terhadap *rubu' munakahat* kitab *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim*.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

- 1 Rujukan akademik: Kajian ini sangat penting sebagai rujukan akademik di Institut Pengajian Tinggi. Ia boleh dijadikan sumber utama untuk membuat rujukan tentang biografi Sheikh Daud al-Fatani dan karya-karya beliau. Disamping itu, mahkamah-mahkamah syariah di seluruh Malaysia dapat menggunakannya sebagai rujukan dalam bidang *munakahat*.
- 2 Warisan Melayu Islam: Kajian ini sangat penting demi untuk menyelidik, menyebar dan memelihara manuskrip Melayu di atas rasional menghargai, menghayati dan mempertahankannya sebagai khazanah warisan negara. Disamping itu, ia juga demi menghidupkan warisan Melayu Islam¹¹ dan juga warisan Jawi yang sangat bernilai agar segala ilmu berfaedah di dalamnya dapat dimanfaatkan generasi kini mahupun generasi mendatang.
- 3 Kesenambungan ajaran Islam: Kajian ini sangat penting demi menjaga kesinambungan ajaran Islam dimana manuskrip mengandungi kajian keagamaan yang bersumberkan

¹¹ Wan Suhaimi Wan Abdullah (2006), "Kaedah dan Matlamat Penyediaan Edisi Kritikal Manuskrip Melayu" (Kertas Kerja Bengkel Transliterasi 2 di Universiti Teknologi Mara (UiTM), 17-18 Februari 2006),h.18.

para sahabat dan *tabi'in*. Dengan ini ia dapat dimanfaatkan bagi menjaga ketulenan ajaran Islam dan mengembangkannya di masa akan datang.

- 4 Pengajian fiqh: Kajian ini juga dapat mendedahkan pandangan-pandangan pengarang pada zaman tersebut memandangkan ia masih relevan dengan zaman sekarang meskipun jarak masa antara keduanya hampir 200 tahun kerana terdapat persamaan budaya iaitu budaya Melayu Islam. Kajian ini juga dapat dijadikan sumber rujukan utama dalam bidang *munakahat* memandangkan kitab *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim* merupakan sebuah kitab fiqh yang paling lengkap di Nusantara.

SKOP KAJIAN

Kajian ini menumpukan kepada kajian teks *rubu' munakahat* yang terdiri daripada 13 kitab iaitu *Kitab al-Nikah*, *Kitab al-Sadaq*, *Kitab al-Qasm Wa al-Nushuz*, *Kitab al-Khulu'*, *Kitab al-Talaq*, *Kitab al-Ruj'ah*, *Kitab al-Ila'*, *Kitab al-Zihar*, *Kitab al-Kaffarah*, *Kitab al-Li'an Wa al-Qadhaf*, *Kitab al-'Iddah*, *Kitab al-Rada'* dan *Kitab al-Nafaqat*.

KAJIAN LITERATUR

Kajian dan tulisan tentang biografi Sheikh Daud al-Fatani, kitab *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim* serta kajian filologi kitab-kitab karangan beliau pernah dilakukan oleh beberapa orang penulis.

Wan Mohd Saghir bin Abdullah menulis dalam Jurnal Dewan Bahasa keluaran 1991 yang bertajuk *Mengkaji Kandungan Kitab Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim*

*Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani*¹² iaitu ulasan secara umum kandungan kitab tersebut. Dalam artikel ini beliau menjelaskan tentang keistimewaan kitab ini berbanding kitab-kitab fiqh yang lain disamping menyatakan naskhah-naskhah kitab yang boleh didapati.

Beliau juga membincangkan isi kandungan kitab dan membahagikannya kepada lima bahagian iaitu *muqaddimah*, hadith Nabi S.A.W., usuluddin, tauhid, fiqh dan tasawuf. Walaubagaimanapun bahagian fiqh merupakan bahagian yang paling besar dalam kitab ini. Beliau menjelaskan setiap bahagian secara ringkas dan menyatakan perkara-perkara yang dianggap penting dan istimewa yang dibincangkan oleh pengarang. Bagaimanapun ia merupakan ulasan secara umum berbanding penulisan ini yang merupakan kajian filologi secara khusus.

Terdapat juga artikel tulisan Wan Mohd Saghir bin Abdullah dalam Jurnal Dewan Bahasa keluaran 1991 yang bertajuk “*Mengkaji Gaya Bahasa Dalam Kitab Furu’ al-Masa’il Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani*”.¹³ Dalam artikel ini Wan Mohd Saghir bin Abdullah membincangkan beberapa versi cetakan kitab tersebut. Beliau juga membuat beberapa perbandingan diantara kitab *Furu’ al-Masa’il* dengan kitab *Sabil al-Muhtadin* terutama dari segi bahasa memandangkan terdapat persamaan sejarah penerbitan kedua-dua kitab tersebut.

Turut dibincangkan adalah puisi yang ditulis oleh Sheikh Ahmad Al-Fatani. Beliau juga membincangkan gaya bahasa dan istilah-istilah yang digunakan serta pembahagian bab. Kitab ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu usuluddin dan syariah. Bahagian syariah membincangkan perkataan-perkataan yang berkaitan dengan cabang-cabang dan ranting-ranting ilmu fiqh.

¹² Wan Mohd Saghir Abdullah (1991), “Mengkaji Kandungan Kitab *Hidayah al-Muta’allim* Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani”, *Jurnal Dewan Bahasa*, April 1991.

¹³ Wan Mohd Saghir Abdullah (1991), “Mengkaji Gaya Bahasa Dalam Kitab *Furu’ al-Masail* Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani”, *Jurnal Dewan Bahasa*, j. 35. Januari 1991.

Wan Mohd Saghir bin Abdullah juga menulis buku bertajuk “*Dhiyaul Murid Sheikh Daud al-Fatani Pedoman Zikir Menuju Ilahi.*”¹⁴ Beliau membincangkan kajiannya tentang kitab ini yang membicarakan zikir menurut metode tarikat Syatariah serta tarikh dan tempat ia ditulis. Turut dibincangkan sejarah ringkas tarikat Syatariah di Asia Tenggara disamping biodata Sheikh Daud al-Fatani dan Sheikh Abdul Mubin al-Jarimi al-Fatani.

Kitab *Diya'ul Murid* telah ditransliterasi dari aksara Melayu/Jawi kepada Latin/Rumi tanpa mengubah gaya bahasa asli pengarangnya. Istilah-istilah penting atau perkataan-perkataan yang sukar difahami dijelaskan dalam nota kaki. Fatwa Sheikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Fatani berkenaan hukum zikir dan kelebihan zikir turut dinyatakan dalam buku ini.

Buku tulisan Wan Mohd Saghir bin Abdullah seterusnya adalah “*Munyatul Musalli Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Pengetahuan Sembahyang Masyhur*”.¹⁵ Beliau menulis tentang sejarah penulisan manuskrip ini dan beberapa cetakannya, ringkasan riwayat hidup, senarai karya dan guru-guru Sheikh Daud al-Fatani. Kitab ini telah ditransliterasi dari aksara Melayu/Jawi kepada Latin/Rumi tanpa mengubah bahasa asli pengarangnya dan disamping melengkapkannya dengan memetik karya-karya Sheikh Daud al-Fatani yang terkenal. Istilah-istilah penting dan perkataan-perkataan yang sukar difahami dijelaskan dalam nota kaki.

“*Wasiat Abrar Peringatan Akhyar Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani*”¹⁶ juga merupakan tulisan Wan Mohd Saghir bin Abdullah. Kitab ini telah ditransliterasi dari aksara Melayu/Jawi kepada Latin/Rumi tanpa mengubah bahasa asli pengarangnya. Bagaimanapun

¹⁴ Wan Mohd Saghir Abdullah (2001), *Dhiyaul Murid Syekh Daud al-Fatani Pedoman Zikir Menuju Ilahi*, Kuala Lumpur: Khazanah al-Fataniyyah, h.15.

¹⁵ Wan Mohd Saghir Abdullah (2006), *Munyatul Musalli Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Pengetahuan Sembahyang Masyhur*, Kuala Lumpur: Khazanah al-Fataniyyah, h.1.

¹⁶ Wan Mohd Saghir Abdullah (2004), *Wasiat Abrar Peringatan Akhyar Syekh Daud bin Abdullah al-Fathani*. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah al-Fataniyyah, h. 8.

perkataan dan sebagai penghubung yang terlalu banyak digunakan digantikan dengan koma (,). Begitu juga dan pada permulaan ayat, ada yang dihilangkan dan ada pula yang masih digunakan. Istilah-istilah penting dan perkataan-perkataan yang sukar difahami dijelaskan dalam nota kaki.

Engku Ibrahim Ismail telah menulis buku bertajuk “*Sheikh Daud al-Fatani: Satu Analisis Peranan Dan Sumbangannya Terhadap Khazanah Islam Di Nusantara*”.¹⁷ Engku Ibrahim memulakan tulisannya dengan menceritakan tentang sejarah kedatangan Islam di Nusantara bermula dari tarikh kewafatan Sultan Pasai pada tahun 1307H yang membawa kepada kedatangan Islam ke Patani. Turut dibincangkan adalah latar belakang Patani sebagai negeri asal Sheikh Daud al-Fatani.

Engku Ibrahim juga membincangkan biografi Sheikh Daud al-Fatani seperti nasab keturunannya, susurgalur, pendidikan yang diterima serta karya-karya beliau yang terkenal. Seterusnya beberapa karya Sheikh Daud al-Fatani dianalisis secara ringkas oleh beliau seperti kitab *Bughyah al-Tullab*, *al-Dur al-Thamin*, *Furu' al-Masa'il*, *Ghayah al-Taqrif*, *Idah al-Albab*, *Jam' al-Fawa'id*, *al-Jawahir al-Saniyyah*, *Kashf al-Ghummah*, *Kifayah al-Muhtaj*, *Minhaj al-'Abidin*, *Munyah al-Musalli*, *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim* dan *Sullam al-Mubtadi*.

Datuk Abu Hasan Din al-Hafiz telah menyusun semula kitab “*Furu' al-Masa'il Wa Usul al-Wasa'il*”.¹⁸ Kitab karangan Sheikh Daud al-Fatani ini telah ditransliterasi dari aksara Melayu/Jawi kepada Latin/Rumi dan telah disusun semula dengan bahasa moden yang mudah difahami. Beliau telah menyusun masalah-masalah fiqh yang bersifat *furu'iyah* ataupun ranting dalam kitab ini dan membahagikannya kepada dua *furu'* utama iaitu

¹⁷ Engku Ibrahim Ismail (1992), *Syeikh Daud al-Fatani: Satu Analisa Peranan Dan Sumbangannya Terhadap Khazanah Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

¹⁸ Datuk Abu Hasan Din al-Hafiz (2010), *Furu' al-Masa'il Wa Usul al-Wasa'il*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

usuluddin dan fiqh. *Furu'* usuluddin dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian iman dan bahagian wahyu dan rasul. *Furu'* fiqh pula dibahagikan kepada empat bahagian iaitu kitab *taharah*, kitab solat, kitab zakat dan kitab puasa. Isu-isu yang sukar difahami ditambah sedikit penjelasan dan huraian supaya lebih jelas dan mudah difahami. Bagaimanapun bab nikah tidak dibincangkan dalam kitab ini.

Terdapat beberapa orang penulis telah melakukan kajian teks terhadap kitab-kitab karangan Sheikh Daud al-Fatani dalam tesis dan disertasi mereka. Fauzi Deraman dalam tesis PhD yang bertajuk “Kedudukan Hadith Dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-Karya Sheikh Daud bin Abdullah al-Fataniy”¹⁹ membincangkan perkembangan penulisan Jawi di Nusantara. Beliau menerangkan kedudukan hadith dalam Islam, mengklasifikasi hadith dengan membahagikannya kepada hadith yang diterima dan hadith yang ditolak dan seterusnya membincangkan tentang hadith *daif* iaitu definisinya, hukum meriwayatkannya dan beramal dengannya dan juga pembahagiannya.

Dalam bab berikutnya perbincangan adalah tentang latar belakang dan biografi Sheikh Daud al-Fatani. Turut dibincangkan adalah penglibatan Sheikh Daud al-Fatani dalam bidang hadith dan penggunaan hadith dalam karya-karya beliau terutama dalam kitab *Kashf al-Ghummah*, *Arbai'n Sheikh Daud al-Fatani*, *Idah al-Albab*, *Bughyah al-Tullab*, *Munyah al-Musalli*, *Ghayah al-Taqrif* dan *Dur al-Thamin*.

Abdullah Haji Said menulis dalam disertasi sarjana yang bertajuk “Kajian (Kajian Teks Dan Analisis) Secara Perbandingan Beberapa Manuskrip Lama Tulisan Sheikh Daud al-Fatani (1769-1847)”²⁰ Beliau mengkaji sepuluh manuskrip karangan Sheikh Daud al-Fatani yang terdiri daripada tiga tajuk. Tajuk pertama adalah *Bulugh al-Maram Fi*

¹⁹ Fauzi Deraman (1997), “Kedudukan Hadith Dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-Karya Syekh Daud bin Abdullah al-Fataniy”, (Tesis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 3.

²⁰ Abdullah Haji Said (1998), “Kajian (Kajian Teks Dan Analisa) Secara Perbandingan Beberapa Manuskrip Lama Tulisan Sheikh Daud al-Fatani (1769-1847)” (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, UKM), h.3.

Kayfiyyah al Muqaranah Takbirah al-Ihram yang terdiri daripada empat manuskrip tulisan tangan oleh penyalin yang berbeza. Tajuk kedua adalah *Bahjah al-Mardiyyah Fi 'Udhr Takhalluf al-Ma'mum Wa al-Imam* yang terdiri daripada empat manuskrip.

Manakala tajuk ketiga adalah “Beberapa Hukum Mengenai Sembahyang Jumaat” dalam dua manuskrip. Ketiga-tiga tajuk tersebut *ditahqiq* secara perbandingan antara salinan manuskrip-manuskrip tersebut yang melibatkan susunan ayat, petikan-petikan yang diambil dari kitab-kitab atau dari sumber-sumber lain yang terdapat dalam manuskrip. Begitu juga penggunaan huruf dan ayat-ayat (tatabahasa), isi dan huraianya, menjelaskan maksud istilah-istilah Arab yang dipakai serta menentukan dalil-dalil dari ayat al-Qur'an dan hadith. Turut dibincangkan secara ringkas adalah latarbelakang peribadi Sheikh Daud al-Fatani, pendidikan, perjuangan serta hasil tulisannya yang terkenal dan telah menjadi bahan rujukan umat Islam di Nusantara khususnya di Tanah Melayu dan di Patani.

Suhaimee Sateemae dalam disertasi sarjana yang bertajuk “Sheikh Daud al-Fatani: Kajian Terhadap Penggunaan al-Qur'an Dan al-Sunnah Dalam Penulisannya”²¹ membincangkan penggunaan ayat al-Qur'an dan hadith oleh Sheikh Daud al-Fatani dalam kitab karangannya. Perbincangan ditumpukan kepada jenis-jenis tafsiran yang digunakan oleh beliau, kesahihannya, cara beliau mengeluarkan hukum dari kandungan ayat al-Qur'an dan cara terjemahan makna ayatnya. Perbincangan juga ditumpukan kepada jenis-jenis periwayatan hadith yang digunakan, tahap kesahihannya dan cara terjemahannya. Ayat-ayat al-Qur'an dan hadith yang terdapat dalam beberapa buah kitab karangan beliau dibincangkan dengan berpandukan pendapat ulama yang *mu'tabar* dalam bidang tafsir al-Qur'an dan periwayatan hadith. Beliau telah mentafsirkan al-Qur'an dengan al-Qur'an, al-Qur'an dengan hadith serta al-Qur'an dengan pendapat ulama samaada sahabat ataupun *tabi'in*.

²¹ Suhaimee Sateemae (2001), “Shaykh Daud al-Fatani: Kajian Terhadap Penggunaan al-Quran dan al-Sunnah Dalam Penulisannya” (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, UKM), h. 3.

Sebahagian tafsiran beliau cenderung kepada tafsiran *al-Sufi al-Ishar*, namun demikian penulis disertasi ini berpendapat ia tidak terkeluar daripada syarat-syarat tafsiran yang dapat diterima. Dari segi penggunaan hadith pula, Sheikh Daud al-Fatani berhujah dengan semua lapisan hadith samaada *sahih*, *hasan* ataupun *daif*. Ada hadith-hadith *daif* yang digunakan pada perkara yang berkaitan dengan *fada'il al-a'mal* dan juga sebagai dalil dalam perbincangan ilmu tauhid.

Abd Razak Samsudin @ Mansur dalam disertasi sarjana yang bertajuk “Kajian Teks Dan Analisis Dan Penulisan Semula Kitab *Kifayah al-Muhtaj Fi al-Isra' Wa al-Mi'raj* Karangan Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani”²² mengkaji latar belakang Sheikh Daud al-Fatani yang mengarang kitab *Kifayah al-Muhtaj* pada tahun 1124H/1809M. Turut dikaji adalah metode penulisan terutama dari segi penurunan teks al-Qur'an dan terjemahannya serta tatacara penulisan hadith. Tulisan ini juga membuat pembetulan ejaan Jawi, mengemukakan perkataan baru yang lebih mudah difahami, dan juga mentakhrij beberapa hadith yang terdapat dalam kitab ini. Dapatan kajian dapat memberikan gambaran yang tepat tentang isi kandungan kitab dan sejauhmanakah ia berpandukan disiplin ilmu Islam.

Sabri bin Mohammed Daud dalam disertasi sarjana yang bertajuk “Kajian Teks Dan Analisis dan *Takhrij Kitab al-Sayd Wa al-Zabaih*”²³ telah mentahqiq dan mentakhrijkan hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *al-Sayd Wa al-Dhabaih*. Terdapat juga hadith-hadith yang tidak dapat dikesan dan mempunyai lafaz yang berbeza dari sumber asal. Beliau juga menerangkan istilah ejaan Jawi yang tidak jelas dan istilah-istilah yang sukar difahami.

²² Abd Razak Samsudin @ Mansur (2002), “Kajian Teks Dan Analisa Dan Penulisan Semula Kitab *Kifayah al-Muhtaj Fi al-Isra' Wa al-Mi'raj* Karangan Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani”, (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, UKM), h. 15.

²³ Sabri bin Mohammed Daud (2004), “Kajian Teks Dan Analisa dan Takhrij Kitab *al-Sayd Wa al-Zabaih*”, (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, UKM), h. 5.

Mohamad Khadafi Haji Rofie dalam disertasi sarjana yang bertajuk “Analisis Kitab Kifayah al-Muhtaj Oleh Sheikh Daud al-Fatani”²⁴ telah menganalisis kitab *Kifayah al-Muhtaj* dimana ia menceritakan kisah israk dan mikraj. Kajian ini juga menganalisis ayat-ayat al-Qur’an dan hadith dengan menentukan surah bagi ayat al-Qur’an yang digunakan serta mentakhrij hadith-hadith yang digunakan. Disamping itu bahasa yang digunakan pengarang turut dianalisis. Turut dikaji adalah kepentingan kitab dan kekurangan-kekurangan yang terdapat pada kitab.

Marwazi Dziauddin dalam disertasi sarjana yang bertajuk “Kajian Teks Dan Analisis Kitab *Munyah al-Musalli* Karangan al-A’lim al-Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani”²⁵ telah membuat kajian teks terhadap penghuraian ibadat sembahyang yang diungkapkan dalam Bahasa Melayu klasik oleh pengarang asal. Pendekatan yang digunakan adalah dengan kaedah transliterasi iaitu menyalin teks asal yang bertulisan Jawi kepada tulisan Rumi tanpa menggugurkan atau mengubah kandungan asalnya. Beliau telah menganalisis penekanan yang dilakukan oleh pengarang dalam mengarang kitab ini. Beliau juga telah membuat penstrukturan semula ayat agar mudah difahami oleh pembaca, iaitu menerangkan perkataan-perkataan penting, menterjemahkan istilah-istilah Bahasa Arab, menghuraikan maksud dan mentakhrijkan hadith-hadith yang terdapat dalam kitab ini.

Nawi Mamat dalam disertasi sarjana yang bertajuk “Kajian Teks Dan Analisis Kitab *Ghayah al-Maram* Mengenai Haji Dan Umrah Karangan Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani”²⁶ telah melakukan kajian teks terhadap manuskrip kitab *Ghayah al-Maram*. Analisis terhadap manuskrip dilakukan dengan menggunakan kaedah transliterasi iaitu menyalin semula teks kepada tulisan Rumi dengan penstrukturan semula ayat-ayat.

²⁴ Mohamad Khadafi Hj. Rofie (2002), “Analisa Kitab *Kifayah al-Muhtaj* Oleh Syeikh Daud al-Fatani”, (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, UKM), h. 5.

²⁵ Marwazi Dziauddin (2005), “Kajian Teks Dan Analisa Kitab *Munyah al-Musalli* Karangan al-A’lim al-Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani”, (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 3.

²⁶ Nawi Mamat (2002), “Kajian Teks Dan Analisa Kitab *Ghayah al-Maram* Mengenai Haji Dan Umrah Karangan Sheikh Daud Abdullah al-Fatani”, (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 4.

Disamping itu beliau turut menerangkan perkataan-perkataan penting, menghuraikan masalah serta mentakhrijkan hadith-hadith dan doa-doa. Analisis terhadap kandungan kitab ini menunjukkan kepakaran dan ketelitian Sheikh Daud al-Fatani dalam bab haji dan umrah.

Rosni Wazir dalam disertasi sarjana yang bertajuk “Hadis-Hadis Dalam *Kashf al-Ghummah* Karya Sheikh Daud al-Fatani, *Takhrij Dan Ulasan*”²⁷ telah membincangkan tentang *takhrij* hadith dari segi definisi, sejarah perkembangan *takhrij* hadith, faedah dan kepentingan *takhrij* hadith dan juga cara-cara *takhrij* hadith. Beliau juga membincangkan keperluan *takhrij* bagi kitab Jawi. Seterusnya dibincangkan latar belakang Sheikh Daud al-Fatani. Disamping itu beliau telah membuat pengenalan terhadap kitab *Kashf al-Ghummah* dan juga sistematika penulisan *takhrij*.

Mazlan Sidek dalam disertasi sarjana yang bertajuk “Hadis Dalam Kitab *al-Durru al-Thamin* Karangan Sheikh Daud al-Fatani: *Takhrij Dan Analisis*”²⁸ cuba menyingkap salah satu cabang ilmu-ilmu Islam iaitu ilmu hadith. Ia juga membincangkan tentang cara periwayatan hadith. Fokus kajian adalah berkenaan salah satu cabang ilmu hadith iaitu ilmu *takhrij*. Skop kajian adalah pengenalan kepada pengarang, kitab yang dikaji dan hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *al-Durr al-Thamin*.

Kaedah yang digunakan adalah dengan cara mengeluarkan *matan* hadith-hadith tersebut kemudian mentakhrijkannya menerusi kitab-kitab hadith yang asal. Seterusnya beliau menterjemah semula ke Bahasa Arab *matan* hadith yang telah diterjemah kedalam Bahasa Melayu kemudian mentakhrijkan hadith tersebut. Setelah mengetahui sumber asal sesuatu hadith, penulis mengklasifikasikan hadith-hadith tersebut samaada *sahih*, *hasan* ataupun *daif*

²⁷ Rosni Wazir (2006), “Hadis-Hadis Dalam *Kasyf al-Ghummah* Karya Syekh Daud al-Fatani, *Takhrij Dan Ulasan*”, (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 5.

²⁸ Mazlan Sidek (2004), “Hadis Dalam Kitab *al-Durru al-Thamin* Karangan Syekh Daud al-Fatani: *Takhrij Dan Analisa*”, (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 3.

dan sebagainya dengan menganalisis hadith tersebut terutama *sanadnya* berdasarkan maklumat yang didapati daripada kitab-kitab hadith.

Sharifah Radziah Wan Mohamad Affandi dalam disertasi sarjana yang bertajuk “Tafsir al-Quran di Alam Melayu: Kajian Terhadap Tafsir Surah Maryam Karangan Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani Dalam *Ward al-Zawahir*”²⁹ membincangkan biodata serta sumbangan Sheikh Daud al-Fatani, kedudukan beliau dalam ilmu tafsir serta sumbangannya dalam bidang agama, dakwah dan kemasyarakatan.

Turut dibincangkan adalah kedatangan Islam ke Patani yang membawa kepada berkembangnya pengajian tafsir. Seterusnya beliau menerangkan tentang metodologi tafsir Sheikh Daud al-Fatani dalam kitab *Ward al-Zawahir* khususnya terhadap Surah Maryam. Disamping itu faktor-faktor penulisan tafsir, disiplin pentafsiran secara umum, sumber-sumber pentafsiran, ciri-ciri khusus dan analisis metode tafsir Sheikh Daud al-Fatani turut dibincangkan oleh beliau.

Zamri bin Ghazali dalam disertasi sarjana yang bertajuk “Konsep Perkahwinan Mengikut Sheikh Daud Bin Abdullah al-Fatani Dalam Kitab *Idah al-Albab Li Murid Nikah Bi al-Sawab*”³⁰ telah menghuraikan konsep perkahwinan yang ditulis dalam Bahasa Melayu klasik dan meneliti penekanan pengarangnya dalam menghasilkan karya ini. Kajian terhadap manuskrip dilakukan dengan menggunakan kaedah transliterasi iaitu menyalin semula teks asal kepada tulisan Rumi daripada tulisan Jawi tanpa menggugurkan atau mengubah kandungan asalnya. Perkataan-perkataan penting dihuraikan, istilah-istilah Arab diterjemahkan dan hadith-hadith ditakhrijkan. Meskipun bab nikah dibincangkan dalam kitab

²⁹ Sharifah Radziah Wan Mohamad Affandi (2005), “Tafsir al-Quran di Alam Melayu: Kajian Terhadap Tafsir Surah Maryam Karangan Syekh Daud bin Abdullah al-Fatani Dalam *Ward al-Zawahir*”, (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 3.

³⁰ Zamri bin Ghazali (2012), “Konsep Perkahwinan Mengikut Syekh Daud Bin Abdullah al-Fatani Dalam Kitab *Idah al-Albab Li Murid Nikah Bi al-Sawab*”, (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 3.

ini, ia adalah secara ringkas dan tidak terperinci sebagaimana kitab *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim*

Rormuelee Lengsueni dalam disertasi sarjana yang bertajuk “Kitab *Sullam al-Mubtadi Fi Ma'rifah Tariqah al-Muhtadi* Karangan Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Tahqiq Dan Analisis”³¹ telah melakukan kajian teks bagi kitab *Sullam al-Mubtadi*. Kaedah yang digunakan bagi kajian ini adalah kaedah transliterasi iaitu menyalin semula teks kepada tulisan Rumi. Beliau menggunakan metode pengumpulan data dan metode penganalisisan data. Kandungan kitab dianalisis dengan menghuraikan perkataan-perkataan yang sukar, mentakhrijkan doa-doa yang *warid* dan hadith-hadith yang tercatat dalam teks serta mengkategorikan karya-karya Sheikh Daud al-Fatani. Sebagaimana kitab *Idah al-Albab Li Murid Nikah Bi al-Sawab*, perbincangan bab nikah dalam kitab ini juga sangat ringkas.

Hasil daripada kajian terhadap penulisan tentang karya-karya Sheikh Daud al-Fatani, dapat dibuat kesimpulan bahawa belum terdapat kajian teks dan kajian filologi yang lengkap dan terperinci terhadap bab *munakahat* kitab-kitab karangan beliau pernah dilakukan setakat ini. Oleh itu, kajian ini akan menumpukan kepada kajian filologi *rubu' munakahat* kitab *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif dimana metode yang digunakan adalah:

1 METODE PENGUMPULAN DATA

Terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

³¹ Rormuelee Lengsueni (2010), “Kitab *Sullam al-Mubtadi Fi Ma'rifah Tariqah al-Muhtadi* Karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Tahqiq Dan Analisis”, (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

1.1 KAJIAN KEPUSTAKAAN

Dikenali juga sebagai ulasan kepustakaan, kajian literatur, tinjauan literatur ataupun sorotan literatur.³² Definisi kajian kepustakaan adalah membuat rujukan secara kritikal dan sistematik terhadap dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea dan data yang berkaitan dengan tajuk yang akan dikaji.³³ Peranannya adalah sebagai panduan kepada pengkaji mengetahui apa yang perlu dikaji, data yang perlu dikumpul dan jenis analisis yang perlu digunakan.³⁴

Melalui kajian kepustakaan, penulis mengumpul data-data yang berkaitan penulisan biografi Sheikh Daud al-Fatani dan penulisan-penulisan tentang karya-karya beliau. Data-data tersebut melibatkan dua sumber iaitu sumber premier seperti manuskrip, kitab, buku, jurnal, artikel, rencana dan kertas kerja serta sumber sekunder seperti pengalaman dan maklumat seseorang terhadap subjek kajian.

1.2 KAJIAN DOKUMENTASI

Kajian dokumentasi adalah pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan dengan perkara yang dikaji.³⁵ Ianya boleh didapati dalam bentuk manuskrip atau bercetak. Dalam kajian ini, dokumen utama adalah naskhah-naskhah kitab *Hidayah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mu'allim*. Ianya didapati dalam bentuk manuskrip dan juga bercetak. Turut dikaji adalah dokumen-dokumen yang berkaitan dengan biografi Sheikh Daud al-Fatani dan penulisan-penulisan tentang karya-karya beliau.

Penulis telah mengumpul naskhah-naskhah kitab ini samaada yang bercetak ataupun dalam bentuk manuskrip. Bagi naskhah yang bercetak, terdapat satu naskhah yang dicetak

³² Ahmad Sunawari Long (2006), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Bangi: Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h.35.

³³ Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah Penyelidikan*, Malaysia: Mc Graw Hill, h.35.

³⁴ Ibid., h.43.

³⁵ Kenneth D. Bailey (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 480.

oleh Khazanah al-Fataniyyah, Kuala Lumpur pada tahun 2004,³⁶ manakala manuskrip adalah seperti berikut:

- 1- Lima naskhah di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia iaitu yang bernombor MSS 485, MSS 2145, MSS 2146, MSS 2751 dan MSS 2770. Di antara naskhah-naskhah tersebut terdapat naskhah yang lengkap dan yang tidak lengkap. Terdapat juga naskhah yang lengkap tetapi keadaan fizikalnya tidak sempurna akibat dimakan serangga atau terkena air.
- 2- Tiga naskhah di Muzium Islam, Pusat Islam Malaysia yang bernombor MI 589, MI 382 dan MI 149. Naskhah bernombor MI 589 tidak lengkap dan halamannya juga tidak teratur. Manuskrip ini disalin oleh Mustafa Haji Muhammad Hasan bin Tuan Abdul Rahman Cendani pada hari Sabtu 3 Jumadi al-Thani, tanpa menyebut tahun penyalinan dilakukan. Salinan ini adalah daripada salinan pengarangnya iaitu pada waktu Dhuha hari Isnin 15 Shaaban 1248H. Naskhah ini tidak lengkap, hanya dimulai dari perkara sembahyang dalam perjalanan. Naskhah nombor MI 382 juga tidak lengkap, hanya mencantumkan hadith empat puluh sahaja. Naskhah nombor MI 149 juga tidak lengkap, hanya membicarakan tasawuf iaitu merupakan bahagian terakhir kitab ini.
- 3- Satu manuskrip kepunyaan salah seorang keturunan Tok Kelaba Fatani yang merupakan salinan Tok Kelaba sendiri yang dilakukan pada tahun 1300H/1884M.³⁷

Bagi melakukan kajian teks, sebanyak lima naskhah telah dipilih, iaitu satu naskhah yang dicetak oleh Khazanah al-Fataniyyah, Kuala Lumpur pada tahun 2004 dan diberi tanda pengenalan (A) serta empat naskhah manuskrip yang terdapat di Pusat Manuskrip Melayu,

³⁶ Naskhah ini merupakan cetakan semula kitab cetakan Matba'ah al-Miriyyah al-Kainah, Mekah pada tahun 1331H/1912M.

³⁷ Wan Mohd Saghir Abdullah (1991), *op. cit.*,h.339.

Perpustakaan Negara Malaysia yang bernombor MSS 485 yang diberi tanda pengenalan (B), MSS 2145 (C), MSS 2146 (D) dan MSS 2770 (E). Naskhah-naskhah tersebut dipilih kerana yang paling lengkap *rubu' munakahatnya*.

Naskhah yang dipilih sebagai teks dasar adalah naskhah yang dicetak oleh Khazanah al-Fataniyyah yang diberi tanda pengenalan (A). Ini memandangkan ia merupakan naskhah yang paling lengkap, tulisannya jelas dan mudah dibaca dan keadaan fizikalnya yang paling elok.

